



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD		
TARIKH	:	3/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	PERHILITAN		

### Premis simpan iguana, kera tanpa lesen sah diserbu

**PUTRAJAYA** – Sebuah premis persendirian yang terletak di Cyberjaya, dekat sini diserbu kerana menyimpan sejumlah haiwan liar tanpa memiliki lesen sah baru-baru ini.

Menurut kenyataan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), kejayaan itu hasil usaha Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dengan kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA) dan seorang lelaki ditahan dalam serbuan tersebut.

Premis tersebut didapati mempunyai dua ekor unggas kakak tua jenis *African Grey* dan nuri *Rose-ringed Parakeet* selain seekor iguana atau sesumpah gergasi dan juga seekor kera.

"Kesemua hidupan liar yang dirampas itu telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang.



ANTARA haiwan seperti iguana dan kera yang dirampas Perhilitan.

Selangor dan satu laporan polis dibuat mengenai serbuan daripada OBK tersebut," katanya semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum denda



SEORANG lelaki yang ditahan dalam OBK di Cyberjaya baru-baru ini.

maksimum RM50,000 atau penjara sehingga dua tahun.

Binatang liar itu kelazimannya diseludup dari luar sebelum

dipelihara sebagai hobi tanpa ada dokumen sah dan ada yang mati kerana pemiliknya tidak tahu cara penjagaan betul.

Kosmo Ahad, 3  
Okt 2021\_12